

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01 / 10 / 2007

## Dr. Mahathir sarapan telur rebus, dadih

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Keadaan kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad (*gambar*) bertambah baik apabila beliau menikmati sarapan pagi seperti biasa hari ini iaitu dua keping roti, dua biji telur rebus, secawan dadih dan kopi.

Anaknya, Datin Paduka Marina berkata, berita menggembirakan itu disampaikan oleh ibunya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

"Emak turut menyatakan bahawa bapa kelihatan 'tersengih' seperti biasa selepas menikmati hidangan tersebut," katanya.

Menulis dalam laman blognya, *ranting sbymm.blogspot.com*, Marina berkata, mereka sekeluarga sentiasa memikirkan cara untuk meningkatkan selera makan bekas Perdana Menteri itu bagi mengembalikan semula tenaganya.


Doktor menyatakan bahawa bapanya dibenarkan menjamah apa sahaja makanan sepanjang tempoh 'bulan madu' selama dua bulan pertama selepas pembedahan supaya beliau lebih bertenaga.

"Pihak wad turut memberikan pelbagai idea pemakanan kreatif supaya beliau lebih berselera. Kami sedang memikirkan untuk membuat keju-

tan hidangan dalam tempoh beberapa hari ini," kata Marina.

Beliau percaya peningkatan kesihatan Dr. Mahathir itu ekoran keazaman kuat bapanya untuk pulih selain usaha pihak hospital yang bertungkus-lumus memastikan beliau semakin stabil.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan pintasan jantung selama lima jam di IJN pada 4 September lalu. Lapan belas hari kemudian beliau dibedah sekali lagi untuk membuang tisu luka pembedahan tersebut dan sejak itu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) IJN.



UM-1/10/2007